



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Web : www.treasury.gov.my

SULIT

Ruj. Tuan : MPC(PCT)100.2/1
Ruj. Kami : MOF.BPK (S)600-15/8/41 (3)
Tarikh : /0 November 2020



YBhg. Dato' Abd. Latif Hj. Abu Seman
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Peti Surat 64, Jalan Sultan
46904 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN

YBhg. Dato',

NAIK TARAF STANDARD ACCOUNTING SYSTEM FOR GOVERNMENT AGENCIES (SAGA) 8.2 KEPADA GOVERNMENT RESOURCE PLANNING (GRP) 9.0

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada permohonan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang diterima melalui sistem *Electronic Government Procurement Application (eGPA)* pada 28 Oktober 2020 mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) telah meneliti dan bersetuju meluluskan permohonan MPC untuk melaksanakan perolehan Naik Taraf *Standard Accounting System For Government Agencies (SAGA) 8.2* kepada *Government Resource Planning (GRP) 9.0* secara rundingan terus dengan syarikat Century Software (Malaysia) Sdn. Bhd. (CSMSB) dengan anggaran kos sebanyak RM582,550.00 (tidak termasuk 6% Cukai Jalan dan Cukai Perkhidmatan) bagi tempoh pelaksanaan selama enam (6) bulan.

3. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- Peruntukan telah diluluskan dan mencukupi bagi perolehan ini;
- Semua peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa hendaklah dipatuhi sepenuhnya;
- Harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah yang menguntungkan Kerajaan selaras dengan PP/PK7.16 dan minit mesyuarat rundingan harga hendaklah ditandatangani oleh kedua-dua pihak;
- Hasil rundingan harga tersebut hendaklah dimuktamadkan oleh Lembaga Perolehan Agensi dan sesalinan keputusan dikemukakan secara rasmi kepada MoF dengan menyertakan pecahan terperinci item dan harga yang dipersetujui untuk tujuan rekod; dan



MOF.BPK (S)600-15/8/41 (3)
November 2020**SULIT**

- e. MPC bertanggungjawab untuk memastikan syarikat CSMSB bebas daripada sebarang tindakan undang-undang sebelum surat tawaran dikeluarkan; dan
 - f. MPC bertanggungjawab untuk memastikan syarikat CSMSB mematuhi obligasi kontrak dan memenuhi spesifikasi serta mutu perkhidmatan/bekalan yang ditetapkan.
4. Kelulusan ini diberikan untuk perolehan ini sahaja dan tidak boleh dijadikan *precedent* bagi perolehan lain seumpamanya di masa hadapan.
5. Kerjasama pihak YBhg. Dato' adalah dipohon untuk memaklumkan status pelaksanaan perolehan dalam tempoh 21 hari dari tarikh surat kelulusan ini dan mengemukakan sesalinan Surat Setuju Terima untuk rujukan dan rekod MoF.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(FAWWAZ SYAKIR BIN MOHD ARIFF@GHAZALI)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k.:

Dato' SBPK

Datin TSK(O)

KSK(OE)

